

# **DutaLand Berhad**

(Co. No. 7296-V)

## **PERSONAL DATA PROTECTION NOTICE**

### **1. INTRODUCTION**

This Personal Data Protection Notice ('Notice') outlines the policy ("Policy") how DutaLand Berhad together with its related corporations, subsidiaries, associates, affiliates and joint development companies as well as their representatives (collectively, 'DutaLand') collect, use and protect your personal data in accordance with Personal Data Protection Act 2010.

For the purpose of this Notice, DutaLand is referred to as "we", "us" or "our" and any person which are providing Personal Data is referred to as the "user", "you" or "your".

### **2. COLLECTION OF PERSONAL DATA**

In the course of your dealings with DutaLand, you may have furnished your personal data to DutaLand and in doing so you expressly agree and consent to DutaLand collecting, using, keeping, disclosing and processing your personal data.

Your personal data which you may provide or make available to DutaLand may include but not limited to information concerning your personal details (such as name, date of birth, identity card number, passport number, address, age, gender, race, nationality), contact details and any other relevant information that you have disclosed to DutaLand as may be updated from time to time.

### **3. PURPOSES OF COLLECTION OF PERSONAL DATA AND CONSENT**

Your personal data shall be collected, processed, kept and used by us from various forms or e-forms available during your visits to DutaLand's website, guest books, business cards and/or any events organised by DutaLand for the following purposes ('the Purposes'):

- a. considering and processing your application for and providing you with products and/or services of DutaLand;
- b. facilitating, implementing and/or formalising any transaction with DutaLand;
- c. processing any payments related to any transaction with DutaLand;

- d. delivery of notices, information, services or products and the marketing of such services and/or products whether present or future, to you by e-mail, regular postal mail, telecommunication means or internet social media;
- e. to facilitate market surveys and trend analysis with the aim of improving DutaLand's services and/or products;
- f. credit assessments, financial, background investigation and/or due diligence as and when deemed necessary;
- g. responding to queries, requests and/or complaints;
- h. meeting any legal or regulatory requirements relating to our provision of services and products;
- i. security and fraud prevention;
- j. to make disclosure under the requirements of any applicable law, regulation, direction, court order, by-law, guideline, circular, code applicable to us; and/or
- k. any other incidental purpose(s) relating to any of the above within and outside Malaysia.

By accessing to our website or signing up to our products and/or services, you hereby expressly agree and consent that we shall use, process and store your personal data for the Purposes and in the manner as identified in this Notice.

#### **4. DISCLOSURE AND ACCURACY OF PERSONAL DATA**

Your personal data provided to DutaLand or obtained by DutaLand shall be kept confidential by us. The information we gather is not sold, given to, or otherwise shared with other organisations for commercial or any other purposes.

However, your personal data may be disclosed, disseminated and/or transferred within DutaLand as well as the relevant statutory bodies, regulatory bodies, local authorities and/or other governmental authorities where required for the purpose of fulfilling our obligations to you in respect of the Purposes and all such other purposes that are related to the Purposes.

You shall inform us any change or inaccuracy of your personal data promptly in order to allow us to keep updated and have accurate records of your personal data.

#### **5. SECURITY**

DutaLand is committed to ensure your personal data are kept and processed in a secured manner. DutaLand is committed in taking appropriate technical, physical and organisational measures to protect your personal data against unauthorised access, unlawful processing, accidental loss or damage, and unauthorised destruction of your personal data.

To safeguard against unauthorised access to your personal data by third parties outside DutaLand, all electronic personal data held by DutaLand is maintained on systems that are protected by secure networks. DutaLand entities also limit access to our internal systems that hold your personal data to a selected group of authorised users who are given access to such systems through the use of a unique identifier and password. Access to your personal data is limited to and is provided only to relevant users for the purpose of performing their official duties.

## **6. RIGHTS OF ACCESS AND CORRECTION**

You may at any time after the submission of your personal data to us, request in writing for access to and request for correction of your personal data that is inaccurate, incomplete, misleading or not up-to-date subject to a payment of a prescribed fee, any applicable legal restrictions and contractual conditions.

If you have any enquiries or feedback in relation to your personal data, or if would like to access or correct your personal data, or if you wish to withdraw your consent given herein, you may contact:

### **DutaLand Berhad (7296-V)**

Correspondence address:	Level 23, Menara Olympia No. 8, Jalan Raja Chulan 50200 Kuala Lumpur
Telephone number:	03-2072 3993
Fax number:	03-2072 3996
Email address:	<a href="mailto:dutaland@dutaland.com.my">dutaland@dutaland.com.my</a>

Any personal data retained by us shall be destroyed and/or permanently deleted from our records and systems in accordance with our retention policy in the event such personal data are no longer required for the said Purposes.

## **7. LANGUAGE**

In the event there are any inconsistencies between the Notice in English language and the Notice in Bahasa Melayu, the Notice in English language shall prevail in respect of such inconsistencies.

## **8. CHANGES TO THIS POLICY**

DutaLand reserves the right to update, revise, amend or modify this Notice from time to time in order to comply with changes in business operations or laws and regulations without prior notice to you. Therefore, you are encouraged to check with us regularly on any changes to this Policy.

# **NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

## **1. PENGENALAN**

Notis Perlindungan Data Peribadi (“Notis”) ini menyatakan bagaimana DutaLand Berhad, syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya, rakan perniagaannya, syarikat gabungan dan syarikat pembangunan serta wakil-wakilnya (secara kolektif ‘DutaLand’) mengumpulkan, menggunakan dan melindungi data peribadi anda selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi, 2010.

Bagi tujuan Notis ini, terma-terma “kami” atau “kita” adalah merujuk kepada mana-mana syarikat atau wakil-wakil dalam DutaLand dan terma-terma “kamu” dan “anda” adalah merujuk kepada diri anda sendiri dan/atau mana-mana orang lain atau syarikat yang diwakili oleh anda dimana anda menyediakan data peribadi.

## **2. PENGUMPULAN DATA PERIBADI**

Sepanjang urusan anda dengan DutaLand, anda mungkin telah melengkapkan data peribadi anda kepada DutaLand dan dengan membuat sedemikian, anda bersetuju kepada DutaLand untuk mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan memproses data peribadi anda.

Data peribadi sedemikian yang anda mungkin menyediakan atau tersedia kepada DutaLand termasuk informasi mengenai maklumat peribadi anda (seperti nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, umur, jantina, bangsa, kewarganegaraan), maklumat untuk dihubungi dan mana-mana maklumat relevan yang lain yang telah anda mendedahkan kepada DutaLand seperti yang mungkin dikemas kini dari masa ke semasa.

## **3. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI DAN PERSETUJUAN**

Data peribadi anda akan dikumpulkan, diproses, disimpan dan digunakan oleh kami dari pelbagai bentuk atau e-borang semasa lawatan anda ke laman web DutaLand, buku tamu, kad nama dan/atau sebarang acara yang dianjurkan oleh DutaLand untuk tujuan berikut (“Tujuan”):

- a. mempertimbangkan dan memproses permohonan anda untuk penyediaan produk dan/atau perkhidmatan DutaLand
- b. memudahkan, melaksanakan dan/atau merasmikan mana-mana urus niaga dengan DutaLand;
- c. pemprosesan mana-mana pembayaran yang berkaitan kepada mana-mana urus niaga dengan DutaLand;

- d. menyampaian notis, maklumat, perkhidmatan atau produk dan pemasaran perkhidmatan atau produk tersebut sama ada semasa dan masa depan, kepada anda melalui e-mel, surat pos biasa, cara telekomunikasi atau media sosial internet;
- e. memudahkan penyelidikan pasaran dan kaji selidik dengan tujuan meningkatkan produk dan/atau perkhidmatan DutaLand
- f. penilaian kredit, siasatan kewangan, latar belakang dan/atau ketekunan wajar apabila dianggap perlu;
- g. membalaikepada pertanyaan, permintaan dan/atau aduan
- h. mematuhi sebarang keperluan undang-undang atau peraturan berkaitan dengan provisi perkhidmatan dan produk kami
- i. keselamatan dan pencegahan penipuan;
- j. membuat pendedahan di bawah keperluan sebarang undang-undang, peraturan, arahan, perintah mahkamah, undang-undang kecil, garis panduan, pekeliling dan kod yang terpakai kepada kami; dan/atau
- k. sebarang tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan perkara di atas di dalam dan di luar Malaysia.

Dengan mengakses ke laman web kami atau mendaftar produk dan/atau perkhidmatan kami, anda adalah jelas bersetuju bahawa kami akan menggunakan, memproses dan menyimpan data peribadi anda untuk Tujuan dan dengan cara seperti yang dinyatakan dalam Notis ini.

#### **4. PENDEDAHAN DAN KETEPATAN DATA PERIBADI**

Data peribadi anda yang diberikan kepada DutaLand atau diperolehi oleh DutaLand akan disimpan secara rahsia oleh kami. Maklumat yang kami kumpul tidak akan dijual, diberikan atau dikongsi dengan organisasi lain untuk tujuan komersial atau tujuan-tujuan lain.

Namun, data peribadi anda mungkin didedahkan, disebarluaskan dan/atau dipindahkan di dalam DutaLand dan mana-mana badan berkanun, badan pengawal selia, pihak-pihak berkuasa tempatan dan/atau pihak-pihak berkuasa kerajaan lain jika diperlukan untuk tujuan memenuhi kewajiban kami kepada anda berkenaan dengan Tujuan dan semua tujuan-tujuan lain yang berkaitan dengan Tujuan.

Anda seharusnya memaklumkan kami atas sebarang perubahan atau ketidaktepatan data peribadi anda dengan segera untuk membolehkan kami terus mengemas kini dan mempunyai data peribadi anda yang tepat.

#### **5. KESELAMATAN**

DutaLand adalah komited untuk memastikan data peribadi anda disimpan dan diproses dengan cara yang selamat. DutaLand adalah komited untuk mengambil langkah-langkah teknikal, fizikal dan organisasi untuk menjaga data peribadi anda daripada akses yang tidak dibenarkan, pemprosesan yang tidak

sah di sisi undang-undang, kerugian atau kerosakan yang tidak sengaja, dan kemusnahan yang tidak dibenarkan terhadap data peribadi anda.

Untuk melindungi daripada akses data peribadi tanpa kebenaran oleh pihak ketiga di luar DutaLand, semua data peribadi elektronik yang dipegang oleh DutaLand adalah dilindungi dengan rangkaian selamat. Entiti-entiti DutaLand mengehadkan akses kepada sistem dalaman yang memegang data peribadi kepada sekumpulan pengguna terpilih yang diberi kuasa dan akses kepada sistem ini melalui penggunaan pengenalan unik dan kata laluan. Akses kepada data peribadi anda adalah terhad kepada dan hanya akan dibekalkan kepada pengguna yang relevan untuk tujuan melaksanakan tugas rasmi mereka.

## **6. HAK UNTUK MENGAKSES DAN MEMBUAT PEMINDAAN**

Anda boleh pada bila-bila masa selepas penyerahan data peribadi anda kepada kami, meminta dalam tulisan untuk akses dan meminta pembetulan data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemas kini tertakluk kepada pembayaran yang ditentukan, mana-mana sekatan undang-undang yang terpakai dan keadaan kontrak.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau maklum balas berkenaan dengan data peribadi anda, atau sekiranya anda ingin mengakses atau membetulkan data peribadi anda, atau sekiranya anda ingin menarik balik persetujuan anda yang diberikan di sini, anda boleh menghubungi:

### **DutaLand Berhad (7296-V)**

Alamat: Level 23, Menara Olympia  
No. 8, Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur  
No. Tel: 03-2072 3993  
No. Fax: 03-2072 3996  
Alamat emel: [dutaland@dutaland.com.my](mailto:dutaland@dutaland.com.my)

Sebarang data peribadi yang disimpan oleh kami akan dimusnahkan dan/atau dipadamkan selama-lamanya daripada rekod dan sistem kami mengikut polisi pengekalan kami sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan untuk Tujuan yang disebut di atas.

## **7. BAHASA**

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan di antara Notis dalam Bahasa Inggeris dan Notis dalam Bahasa Melayu, Notis dalam Bahasa Inggeris adalah akan digunakan.

## **8. PERUBAHAN ATAS POLISI**

DutaLand berhak untuk mengemas kini, semak, meminda atau mengubah Notis ini dari masa ke semasa untuk mematuhi perubahan dalam operasi perniagaan atau selaras dengan undang-undang dan peraturan tanpa memberikan anda notis terlebih dahulu. Oleh itu, anda adalah digalakkan untuk menghubungi kami mengenai sebarang perubahan pada Polisi ini secara kerap.